



KOSPEN PLUS
"Your Partner Towards a Healthy Workforce"

PROGRAM KOSPEN PLUS

INTERVENSI FAKTOR RISIKO PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT (NCD) DI TEMPAT KERJA

TATACARA PELAKSANAAN



UNIT KESIHATAN PEKERJAAN. BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT. KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Edisi Kedua 2017

KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN	3
1.1 Latar Belakang	3
1.2 Objektif	5
1.3 Strategi Pelaksanaan Program KOSPEN Plus	6
2.0 URUS TADBIR PROGRAM KOSPEN PLUS	6
2.1 Tanggungjawab Organisasi	6
2.2 Tanggungjawab Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	8
3.0 JAWATANKUASA PROGRAM KOSPEN PLUS	11
3.1 Jawatankuasa Pemantauan Program KOSPEN Plus Peringkat Negeri	12
3.2 Jawatankuasa Pemantauan Program KOSPEN Plus Peringkat Daerah	13
3.3 Jawatankuasa Pelaksana Program KOSPEN Plus	14
4.0 PELAKSANAAN PROGRAM KOSPEN PLUS	15
4.1 Amalan Pemakanan Sihat	16
4.2 Amalan Tidak Merokok	18
4.3 Hidup Yang Aktif	20
4.4 Pengurusan Berat Badan (PBB)	22
4.5 Saringan Kesihatan	25
4.6 Minda Sihat	29
5.0 PEMANTAUAN PROGRAM	32
6.0 KESIMPULAN	34
7.0 LAMPIRAN	35

KATA-KATA ALUAN KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera & Salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana memberi kesempatan kepada saya untuk merakam kata-kata aluan di dalam buku Tatacara Pelaksanaan Program KOSPEN Plus

Inisiatif “Komuniti Sihat, Pembina Negara” (KOSPEN) yang dicetuskan oleh YB Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam pada Julai 2013 telah mendapat perhatian dan sambutan pelbagai agensi. Ia telah bermula dengan KOSPEN komuniti di antara KKM bersama Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KKLW). Seterusnya, konsep KOSPEN akan dipanjangkan lagi di tempat kerja.

Peningkatan secara global masa pekerja di tempat kerja menyebabkan kepentingan melindungi pekerjaan mempromosi kesihatan di tempat kerja adalah agenda penting. Keperluan penyediaan tahap keselamatan, kesihatan, dan kesejahteraan di tempat kerja terkandung di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) Di bawah seksyen 15(1) akta ini menyatakan setiap majikan dan pekerja sendiri perlu memastikan sehingga praktikal isu keselamatan, kesihatan dan kebajikan kepada semua pekerja di tahap optima. Maka, buku tatacara pelaksanaan yang disediakan ini boleh membantu warga kerja untuk mewujudkan program intervensi faktor risiko NCD di tempat kerja masing-masing.

Akhir kata saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua Ahli Jawatan Kuasa Teknikal KKM di atas segala usaha yang dilakukan dalam memastikan program ini berjalan dengan lancar dan seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

Program KOSPEN Plus

Intervensi Faktor Risiko Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) Di Tempat Kerja

1. 0 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Penyakit tidak berjangkit (*non-communicable diseases*, NCD) atau lebih dikenali sebagai penyakit kronik meliputi penyakit seperti penyakit kencing manis (diabetes), penyakit kardiovaskular termasuk darah tinggi (hipertensi), sakit jantung (angina) dan anginahmar (strok), kanser dan penyakit respiratori kronik. Perkara yang penting berkaitan penyakit tidak berjangkit ini selain dari berkongsi faktor risiko yang sama, beban penyakit tidak berjangkit sentiasa meningkat saban tahun di Malaysia.

Keadaan ini membimbangkan bukan sahaja kerana kos rawatan penyakit yang terus meningkat, tetapi rakyat yang mengidap penyakit NCD yang tidak terkawal adalah rakyat yang tidak produktif. Ini bukan sahaja membebankan ekonomi negara, malahan pembangunan negara yang kita kecapai boleh turut merudum.

Pekerja merupakan aset penting bagi produktiviti sesebuah negara. Peningkatan secara global masa pekerja di tempat kerja menyebabkan kepentingan melindungi dan mempromosi kesihatan di tempat kerja menjadi keutamaan. Keperluan penyediaan tahap keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan di tempat kerja terkandung didalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Akta Mesin Jentera 1967 (Akta 139). Dibawah seksyen 15(1) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 menyatakan setiap majikan dan pekerja perlu memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan mereka berada ditahap optimum.

Negara kita kini mempunyai prevalen faktor risiko NCD yang tertinggi di rantau ASEAN. Kajian status kesihatan rakyat Malaysia (National Health Morbidity Survey, NHMS) pada tahun 2015 mendapati prevalens penyakit dan faktor risiko NCD di kalangan pekerja adalah tinggi:

- i. Dari keseluruhan 17.3% prevalens pengidap diabetes dikalangan penjawat awam prevalens pengidap diabetes secara senyap dan tidak dikesan adalah 8.2 %. Manakala dari 12.1% prevalens pekerja swasta yang mengidap diabetes 8.1% merupakan pengidap diabetes secara senyap dan tidak dikesan.
- ii. Bagi penyakit darah tinggi, hampir separuh dari keseluruhan penjawat awam yang mengidap darah tinggi (29.7 %), merupakan mereka yang tidak dikesan (17.8 %). Begitu jugakumpulan pekerja swasta dimana dari 21.5% keseluruhan pengidap darah tinggi, 14% darinya tidak dikesan.
- iii. Prevalens pengidap kolesterol tinggi (hypercholesterolemia) dikalangan penjawat awam juga tinggi iaitu 54.4% berbanding pekerja swasta 42.6%
- iv. Penjawat awam dan swasta yang mempunyai masalah berlebihan berat badan dan obesiti juga tinggi iaitu masing-masing 58.9% dan 43.7%.
- v. Keadaan ini berkemungkinan berkaitan kerana fizikal yang tidak aktif (physically inactive) pada golongan penjawat awam (33.9 %) dan pekerja swasta (29.6%).
- vi. Perokok semasa (current smoker) kepada kumpulan pekerja swasta juga tinggi iaitu 31.7% berbanding penjawat awam 23.1%.
- vii. Bagi pekerja yang sudah berpencen pula prevalens penyakit NCD meningkat lebih 2 kali ganda dimana prevalens diabetes adalah 38.2% dan hipertensi 64.6%.

Bimbang akan implikasi dari masalah penyakit NCD yang semakin meningkat, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan satu inisiatif yang agresif bagi memperkasakan masyarakat melalui satu program yang dikenali sebagai "Komuniti Sihat, Pembina Negara" (KOSPEN).

Asas pelaksanaan Program KOSPEN yang dicetuskan oleh YB Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S. Subramaniam pada Julai 2013, adalah melalui pembentukan kumpulan sukarelawan kesihatan di kalangan masyarakat yang akan dilatih sebagai agen perubahan kesihatan. Merekalah yang akan bertindak sebagai *functional unit*

pelaksanaan aktiviti di bawah Program KOSPEN, iaitu sebagai *platform* bagi mendekatkan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat menggunakan filosofi dari masyarakat untuk masyarakat. Ini dilaksanakan melalui pemerksaan individu dan masyarakat ke arah penerapan polisi kesihatan serta pewujudan persekitaran sihat, penerapan dan amalan gaya hidup sihat, pemeriksaan saringan kesihatan secara berkala dan tetap serta aktiviti intervensi faktor risiko dalam komuniti.

Program KOSPEN Plus masih menggunakan konsep yang sama tetapi di ubahsuai mengikut kesesuaian untuk dilaksanakan di agensi awam dan swasta. Kumpulan sukarelawan yang dikenali sebagai pasukan rujuk (*liason officer*) dilatih oleh pihak KKM yang bertindak sebagai penyumbang input teknikal. Konsep mewujudkan pasukan rujuk (*liason officer*) di tempat kerja mampu menjadi pemangkin "*agent of change*" untuk mengubah tingkah laku yang berisiko ke arah yang lebih baik.

Program promosi kesihatan di tempat kerja merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan di tempat kerja yang menyokong kesihatan dan kesejahteraan pekerja. Ia merupakan satu program yang mengalakkan dan menyemai sikap menjadikan sesuatu tempat kerja itu selamat dan sihat dari segi fizikal dan mental. Tempat kerja yang selamat dan sihat akan membantu sesuatu organisasi mengekalkan daya saing, menggalakkan produktiviti pekerja, mengurangkan bilangan kes kecederaan dan penyakit pekerjaan, memupuk kreativiti, dan meningkatkan kualiti dan perkhidmatan pelanggan.

Menjadikan sesuatu tempat kerja yang sihat adalah satu pelaburan yang besar untuk masa depan sesebuah organisasi dan juga pekerja secara khususnya dan negara amnya. Kementerian Kesihatan Malaysia menyeru para majikan bersama-sama memastikan para pekerja bebas dari penyakit NCD dan faktor risikonya. Kerjasama para majikan amat penting dalam memastikan kejayaan Program KOSPEN Plus. Adalah diharap melalui penerapan polisi kesihatan dapat memupuk pengetahuan sikap positif majikan dan pekerja kearah pewujudan persekitaran yang menjurus kepada amalan dan tingkah laku sihat agar bebas dari belunggu penyakit NCD serta mampu mengekang peningkatan prevalen penyakit dan faktor risiko NCD menjelang 2025.

1.2 Objektif

Menurunkan prevalens penyakit NCD dan faktor risikonya di kalangan pekerja melalui pemerkasaan majikan dan pekerja menggunakan strategi berikut:

- i. Mendekatkan dan meluaskan capaian program kesihatan tempat kerja bagi membentuk warga kerja sihat, bebas daripada penyakit NCD yang merupakan beban utama negara masa kini.
- ii. Membentuk warga kerja sihat dan produktif melalui penerapan polisi kesihatan, pewujudan persekitaran yang menjurus kepada pembudayaan amalan gaya hidup sihat seiring dengan peningkatan potensi diri, pemantapan tahap sosio-ekonomi serta pembangunan yang mapan.
- iii. Menambah nilai program dan aktiviti-aktiviti di bawah kesihatan pekerjaan melalui penerapan elemen pendidikan asas pencegahan dan prosedur mudah pengesanan faktor risiko penyakit tidak berjangkit.
- iv. Mewujudkan sekumpulan pasukan rujuk terlatih di kalangan warga kerja.

1.3 Strategi Pelaksanaan Program KOSPEN Plus

Strategi Intervensi faktor risiko NCD di tempat kerja ini boleh dilihat kepada penerapan polisi kesihatan oleh majikan, pewujudan persekitaran tempat kerja sihat yang menyokong pembudayaan gaya hidup yang sihat, aktiviti saringan pekerja secara berkala dan tetap serta pelaksanaan aktiviti intervensi di kalangan pekerja di tempat kerja itu sendiri.

Persekitaran tempat kerja yang sihat banyak mempengaruhi kesihatan warga kerja. Ini termasuk pilihan yang dibuat oleh seseorang warga kerja dalam aspek pemakanan dan tahap aktiviti fizikal. Melalui penerapan polisi kesihatan, beberapa perubahan persekitaran tempat kerja boleh dilakukan dan diperkukuhkan oleh majikan dan warga kerja sendiri.

2.0 TADBIR URUSPROGRAM KOSPEN PLUS

2.1 Tanggungjawab Organisasi

Kejayaan pelaksanaan Program KOSPENPlus bergantung kepada komitmen dan sokongan padu dari pihak majikan. Majikan mempunyai peranan utama dalam memastikan kelangsungan Program KOSPENPlus.

2.1.1 Peranan Majikan

- i. Bersetuju menerimapakai dan menerapkan polisi dan skop Program KOSPENPlus di bawah jagaan mereka.
- ii. Mengenalpasti ahli pasukan rujuk yang terdiri dari pekerja di bawah tanggungjawab mereka.
- iii. Menganjurkan latihan yang berkaitan dengan pelaksanaan Program KOSPENPlus kepada pasukan rujuk yang dikenalpasti.
- iv. Menyediakan peralatan/prasarana/persekitaran yang membolehkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti Program KOSPENPlus.
- v. Menyelia dan memantau pelaksanaan Program KOSPENPlus di lokaliti bawah tanggungjawab serta mengambil langkah penambahbaikan apabila perlu.
- vi. Memastikan pelaksanaan aktiviti yang berterusan agar mencapai objektif dan sasaran Program KOSPENPlus.
- vii. Bersedia berkongsi maklumat pencapaian program bersama Jawatankuasa Pemantauan Program KOSPENPlus.
- viii. Mewujudkan 'Unit Program KOSPENPlus' bagi tujuan sebagai tempat rujukan, pengurusan data dan pemantauan program.

2.1.2 Peranan Pasukan rujuk (Sukarelawan)

- i. Bekerjasama dengan pihak majikan dalam memastikan penerapan polisi dan skop Program KOSPEN Plus.
- ii. Bersama-sama majikan memastikan pewujudan prasarana dan persekitaran yang mematuhi skop Program KOSPENPlus.
- iii. Menjalankan advokasi, promosi dan nasihat kesihatan asas kepada rakan pekerja yang lain dalam menerapkan elemen-elemen Program KOSPENPlus.
- iv. Bertanggungjawab melakukan saringan faktor risiko penyakit NCD kepada pekerja iaitu pengukuran tinggi, berat, pengiraan BMI, ukur lilit pinggang, ujian paras gula darah, tekanan darah, DASS-21 dan fagerstrom.
- v. Mencatatkan bacaan saringan faktor risiko penyakit NCD ke dalam Buku Daftar/Rekod atau menggunakan sistem MOVeS sebagai pangkalan data.
- vi. Memastikan pekerja yang mempunyai bacaan berisiko dirujuk ke klinik/hospital panel (agensi swasta) atau klinik kesihatan terdekat (agensi awam) untuk pengurusan kes seterusnya.
- vii. Bersama-sama majikan merangka aktiviti intervensi peringkat tempat kerja yang bersesuaian.
- viii. Mengalakkan pekerja menyertai aktiviti-aktiviti intervensi.
- ix. Membuat dan menyediakan profil saringan kesihatan pekerja.
- x. Membuat laporan kepada pihak majikan secara berkala dan berterusan.

Jabatan Kesihatan Negeri berkaitan adalah bertanggungjawab untuk melatih pasukan rujuk. Pasukan rujuk yang telah mengikuti latihan akan diberikan sijil lantikan oleh Jabatan Kesihatan Negeri. Tentatif program untuk bengkel latihan pasukan rujuk Program KOSPEN Plus dilampirkan di **LAMPIRAN H**.

2.2 Tanggungjawab Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Pihak KKM bertindak sebagai penyumbang input teknikal. Berikut adalah peranan KKM.

2.2.1 Peranan Pihak Kementerian Kesihatan

- i. Memberikan bantuan khidmat nasihat kepakaran teknikal dalam melaksanakan Program KOSPENPlus.
- ii. Memberikan bantuan teknikal semasa sesi latihan kepada pihak pengurusan tempat kerja, sukarelawan dan lain-lain anggota yang berkaitan.
- iii. Memberi kerjasama sekiranya diperlukan dalam membantu majikan menyelia dan memantau pelaksanaan Program KOSPENPlus dan memberi khidmat nasihat penambahbaikan.
- iv. Bekerjasama dengan majikan sekiranya diperlukan dalam memberi pandangan serta merangka aktiviti intervensi peringkat tempat kerja yang bersesuaian.

Pasukan iNCD adalah ringkasan bagi *Intervention for Non-Communicable Diseases*. Mereka bertanggungjawab memberikan bantuan teknikal dan bimbingan yang diperlukan. Mereka juga menjadi pemudah cara dan penghubung di antara majikan dan KKM.

Pasukan iNCD di peringkat negeri adalah terdiri dari:

- i. Pegawai KPAS Negeri (Ketua Pasukan)
- ii. Pegawai Epidemiologi Penyakit Tidak Berjangkit
- iii. Pegawai Sains Pemakanan
- iv. Pegawai Pendidikan Kesihatan
- v. Pegawai Kesihatan Pekerjaan/ Ketua Jururawat/ Penyelia Jururawat
- vi. Ketua Penolong Pegawai Perubatan/ Penolong Pegawai Perubatan Kanan
- vii. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Unit KPAS (Pegawai yang menjaga reten)

Pasukan iNCD di peringkat daerah adalah terdiri dari:

- i. Pegawai Perubatan yang menjaga Unit KPAS (Ketua Pasukan)
- ii. Pegawai Perubatan dan Kesihatan yang dilantik
- iii. Pegawai Sains Pemakanan
- iv. Pegawai Pendidikan Kesihatan
- v. Penolong Pegawai Perubatan/Jururawat
- vi. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Unit NCD
- vii. Penolong Pegawai Kesihatan PersekitaranUnit KPAS (Pegawai yang menjaga reten)

Terma rujukan Pegawai KPAS Negeri

- i. Menyelaras pelaksanaan Program KOSPEN Plus di tempat kerja
 - a. Memberi taklimat dan promosi Program KOSPEN Plus kepada ketua jabatan.
 - b. Menganggotai Jawatan Kuasa (JK) dan menghadiri mesyuarat berkaitan.
 - c. Memberi input teknikal dalam aspek seperti latihan, promosi, saringan, dan perancangan aktiviti intervensi di tempat kerja.
- ii. Menjadi pemudahcara kepada pasukan rujuk dalam pelaksanaan Program KOSPEN Plus.
- iii. Memantau perkembangan dan keberkesanan pelaksanaan Program KOSPEN Plus di peringkat negeri dan fasiliti:
 - a. Menganalisa data pencapaian.
 - b. Membentangkan hasil analisa kepada stakeholders.
 - c. Menyediakan laporan prestasi program peringkat negeri.
 - d. Memastikan kesinambungan dan pengekatan program (sustainability).
- iv. Mengenalpasti keperluan logistik, sumber manusia dan peruntukan yang diperlukan.

Terma rujukan Pegawai Perubatan yang menjaga Unit Kesihatan Pekerjaan (Peringkat Daerah)

- i. Menyelaras pelaksanaan Program KOSPEN Plus di tempat kerja
 - a. Memberi taklimat dan promosi Program KOSPEN Plus kepada ketua jabatan.
 - b. Menganggotai JK dan menghadiri mesyuarat berkaitan.
 - c. Memberi input teknikal dalam aspek seperti latihan, promosi, saringan, dan perancangan aktiviti intervensi komuniti.
- ii. Menjadi pemudahcara kepada pasukan rujuk dalam pelaksanaan Program KOSPEN Plus.
- iii. Memantau perkembangan dan keberkesanan pelaksanaan Program KOSPEN Plus di peringkat daerah:
 - a. Menganalisa data pencapaian.
 - b. Menyediakan laporan hasil analisa kepada *stakeholders* di peringkat daerah.
 - c. Menyediakan laporan prestasi program peringkat daerah
 - d. Memastikan kesinambungan dan pengekalan program (sustainability).

Terma rujukan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (Unit KPAS)

- i. Membantu ketua pasukan dalam melicinkan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti Program KOSPEN Plus.
- ii. Membantu menjalankan latihan kepada pasukan rujuk di peringkat daerah:
 - a) Memastikan setiap program latihan berjalan lancar
 - mengikut seperti yang ditetapkan- jemputan dan kehadiran penceramah/fasilitator dan penyediaan bahan-bahan dan peralatan untuk *hands-on*.
 - b) Fasilitator sesi praktikal saringan kesihatan.
 - c) Fasilitator bagi aktiviti pendidikan kesihatan.

- iii. Membantu Ketua Pasukan di dalam pengurusan data termasuk memasukkan data dan membuat analisa awal.
 - a. Memastikan reten daerah di kompail dan di hantar ke negeri/ibu pejabat mengikut ketetapan dan kesesuaian.
 - b. Membantu menyediakan laporan awal serta mengesyorkan aktiviti intervensi NCD yang bersesuaian.

3.0 JAWATANKUASA PROGRAM KOSPENPLUS

Jawatankuasa Program KOSPEN Plus perlu diwujudkan bagi memastikan kelancaran dan pelaksanaan Program KOSPEN Plus. Terdapat dua (3) jawatankuasa utama iaitu:

- i. Jawatankuasa Pemantauan Program KOSPEN Plus Peringkat Negeri
- ii. Jawatankuasa Pemantauan Program KOSPEN Plus Peringkat Daerah
- iii. Jawatankuasa Pelaksana Program KOSPEN Plus.

3.1 Jawatankuasa Pemantauan Program KOSPEN Plus Peringkat Negeri

Jawatankuasa yang ditubuhkan bertujuan memantau dan mengkoordinasi perjalanan dan *outcome* program secara keseluruhan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri. Ahli kumpulan terdiri daripada:

- i. Majikan/Ketua JKPP
- ii. Bahagian/Unit Kawalan Penyakit (Sektor/ Unit NCD dan Kesihatan Pekerjaan Alam Sekitar)
- iii. Bahagian/Unit Pemakanan
- iv. Bahagian/Unit Pendidikan Kesihatan

3.1.1 Terma rujukan penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Program KOSPEN Plus peringkat negeri.

- i. Memberi input teknikal yang diperlukan kepada organisasi yang terlibat.
- ii. Memantau dan menyelia Program KOSPENPlus di peringkat negeri
- iii. Menyelaras latihan untuk pasukan rujuk.
- iv. Memantau laporan pelaksanaan Program KOSPEN Plus peringkat daerah.

Kekerapan mesyuarat

Sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam setahun.

Tempat mesyuarat

Cadangan secara bergilir antara KKM dan *setting* yang terlibat.

3.2 Jawatankuasa Pemantauan Program KOSPEN Plus Peringkat Daerah

Jawatankuasa Pemantauan Program KOSPENPlusPeringkat Daerah perlu bekerjasama erat dengan organisasi terlibat. Mereka merupakan penghubung kepada Jawatankuasa Pelaksana Program KOSPEN Plus dan Jawatankuasa Pemantauan Program KOSPENPlusPeringkat Negeri. Ahli kumpulan terdiri daripada:

- i. Majikan/pengerusi jawatankuasa pelaksana program/unit atau wakil Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan agensi berkaitan
- ii. Unit Kawalan Penyakit (Sektor/ Unit NCD dan Kesihatan Pekerjaan Alam Sekitar)
- iii. Unit Pemakanan
- iv. Unit Pendidikan Kesihatan

3.2.1 Terma rujukan Jawatankuasa Pemantauan Program KOSPEN Plus

Peringkat Daerah adalah:

- i. Melaksanakan Program KOSPEN Plus mengikut kesesuaian dan berpandukan Tatacara Pelaksanaan Program KOSPEN Plus yang disediakan.
- ii. Memberi input teknikal yang diperlukan kepada organisasi yang terlibat.
- iii. Melaporkan pencapaian pelaksanaan Program KOSPEN Plus kepada Jawatankuasa Pemantauan Program KOSPEN Plus peringkat negeri secara berkala.
- iv. Memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan program.
- v. Mengenalpasti langkah penambahbaikan apabila diperlukan.

Kekerapan mesyuarat

Sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam setahun.

Tempat mesyuarat

Cadangan secara bergilir antara KKM dan *setting* yang terlibat.

3.3 Jawatankuasa Pelaksana Program KOSPEN Plus

Jawatankuasa Pelaksana Program KOSPEN Plus (Sila rujuk **LAMPIRAN A**) di peringkat tempat kerja ditubuhkan dengan jawatan terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha dan Naib Setiausaha yang terdiri dari wakil yang dilantik oleh organisasi tersebut.

Walaupun bagaimanapun sekiranya organisasi tersebut telah mempunyai Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan (JKKP) masing-masing dan ingin menerapkan Program KOSPENPlus sebagai salah satu program mereka adalah dialu-alukan.

Terma rujukan penubuhan Jawatankuasa Pelaksana Program KOSPENPlus di peringkat tempat kerja adalah:

- i. Mengadakan mesyuarat penyelarasan secara berkala mengikut kesesuaian.
- ii. Merangka dan merancang aktiviti-aktiviti yang hendak dilaksanakan.
- iii. Mengenalpasti keperluan logistik dan sumber manusia serta peruntukan yang diperlukan.
- iv. Memantau pelaksanaan dan keberkesanan program.
- v. Mendapatkan maklumbalas perjalanan dan prestasi program agar langkah penambahbaikan dapat dijalankan.
- vi. Menyediakan laporan prestasi program.
- vii. Memastikan kesinambungan dan pengekalan program.

Kekerapan mesyuarat

Sekurang-kurangnya tiga (3) kali dalam setahun.

4.0 PELAKSANAAN PROGRAM KOSPEN PLUS

Elemen-elemen pencegahan NCD melibatkan penerapan polisi kesihatan, persekitaran yang menyokong, perubahan tingkah laku dan faktor perubahan ekonomi dan sosial. Melalui pelaksanaan Program KOSPENPlus adalah diharap kedapatan perubahan tingkah laku yang menjurus kepada membudayakan cara hidup sihat.

Terdapat enam (6) skop utama perubahan tingkah laku yang ingin dicapai melalui intervensi di tempat kerja (skop yang dititik beratkan) adalah:

1. Amalan pemakanan sihat
2. Amalan tidak merokok
3. Hidup yang aktif
4. Pengurusan Berat Badan (PBB)
5. Mengetahui status kesihatan melalui pengesanan awal faktor risiko NCD secara sendiri (Saringan kesihatan)
6. Minda sihat

Seterusnya dicadangkan dua skop pilihan iaitu

7. Persekitaran Tempat Kerja Sihat
8. Pencegahan & Pengurangan Kemudaratan Alkohol (CEKAL).

Pihak majikan boleh berbincang dengan pihak rujukdi Jabatan Kesihatan Negeri masing-masing sekiranya ada keperluan untuk melaksanakan Skop 7 dan 8.

4.1 AMALAN PEMAKANAN SIHAT

4.1.1 Pengenalan

Amalan pemakanan yang sihat merupakan elemen yang sangat penting bagi membentuk badan yang sihat dan minda yang cerdas. Penjagaan pemakanan yang sihat iaitu makanan/minuman yang rendah lemak, gula dan garam serta tinggi serat mampu menjadikan seseorang individu bebas dari sebarang penyakit berbahaya terutamanya penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis, darah tinggi dan kardiovaskular. Kawalan kuantiti dan kualiti makanan yang diambil ditempat kerja banyak mempengaruhi status pemakanan kerana hampir separuh dari masa harian adalah dihabiskan di tempat kerja. Persekitaran yang menyokong ke arah makan secara sihat di tempat kerja akan membantu memperbaiki status kesihatan.

4.1.2 Objektif

- i. Mewujudkan persekitaran tempat kerja yang menyokong ke arah amalan pemakanan sihat.
- ii. Menyediakan pilihan makanan sihat kepada warga kerja semasa berada di tempat kerja.
- iii. Memberi pendedahan mengenai maklumat pemakanan yang sihat di tempat kerja untuk membawa kepada perubahan sikap ke arah amalan pemakanan yang sihat.

4.1.3 Cadangan Aktiviti

a) Penyajian Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat (PHSSM)

Penyajian hidangan sihat semasa mesyuarat adalah penting untuk memberi pilihan yang lebih sihat kepada ahli mesyuarat. Ia juga secara tidak langsung dapat mengawal pengambilan makanan semasa mesyuarat dan menggalakkan amalan makan secara sihat di kalangan ahli mesyuarat. Penyediaan hidangan sihat semasa mesyuarat juga dapat memastikan pengambilan kalori harian yang betul iaitu 1500 kalori bagi wanita dan 2000 bagi lelaki.

b) Kafeteria Sihat

Kafeteria Sihat berkonsepkan Pusat Hentian Setempat (*One Stop Center*) yang menyediakan makanan yang berkhasiat, bersih dan selamat, berasaskan prinsip makan secara sihat. Di samping itu, Kafeteria Sihat juga boleh dibangun sebagai tempat bagi promosi dan latihan pemakanan yang menyediakan persekitaran yang kondusif bagi pembelajaran secara *participative* dan *hands-on*.

Kafeteria Sihat menggunakan konsep kerjasama pintar di antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan pengusaha makanan. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti makanan dan promosi pemakanan sihat di kafeteria melalui satu sistem penilaian Kafeteria Sihat, meningkatkan kebolehdapatan pilihan makanan sihat dan selamat kepada pengguna dan menggalakkan kerjasama di antara Kementerian Kesihatan Malaysia dengan pengusaha makanan di dalam mempromosi makanan yang sihat dan selamat.

c) Mini Pusat Maklumat Pemakanan (PMP)

PMP merupakan sebuah Pusat Hentian Setempat (*One Stop Center*) untuk penyebaran maklumat pemakanan kepada warga kerja di sesebuah organisasi. PMP boleh dijadikan sebagai satu sumber rujukan untuk memperolehi maklumat pengetahuan pemakanan yang tepat dan merancang aktiviti-aktiviti promosi pemakanan bagi warga kerja.

4.2 AMALAN TIDAK MEROKOK

Merokok merupakan faktor risiko utama yang menyumbang kepada penyakit kardiovaskular. Adalah dianggarkan merokok menyebabkan 20, 000 kematian setiap tahun terutama akibat kanser paru-paru dan penyakit jantung. Kajian tinjauan Morbiditi Kebangsaan menunjukkan seramai 5 juta orang berumur 15 tahun dan ke atas merokok dan lebih 20% adalah terdiri daripada golongan mereka berumur di antara 20 tahun hingga 45 tahun yang masih aktif dan bekerja.

4.1.4 Objektif

- i. Mewujudkan persekitaran tempat kerja yang bebas dari sebarang bentuk Amalan Merokok
- ii. Menyokong golongan pekerja yang berhasrat untuk berhenti merokok hadir di perkhidmatan berhenti merokok mQuit yang telah disediakan.

4.1.5 Cadangan Aktiviti


a) Persekitaran Tempat Kerja Yang Bebas Dari Sebarang Bentuk Amalan Merokok

- i. Memastikan semua tempat-tempat larangan merokok di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 yang berada di tempat kerja dipatuhi.
- ii. Menggalakkan inisiatif - Bebas Asap Rokok di mana-mana lokasi ditempat kerja seperti kafeteria, majlis- majlis rasmi dan lain-lain lokasi yang tidak termaktub sebagai tempat larangan merokok.
- iii. Mengadakan pengumuman berkala berkaitan kawasan– kawasan larangan merokok di tempat bekerja.

b) Galakan Pekerja Yang Merokok Berhenti Merokok

- i. Menjalankan saringan merokok bagi setiap pekerja. Sila rujuk **Rajah 1: Carta Alir Saringan Merokok Di Kalangan Pekerja**
- ii. Menasihatkan dan merujuk perokok yang bersedia untuk berhenti merokok ke perkhidmatan berhenti merokok mQuit yang telah disediakan.

Bagi agensi swasta digalakkan melaksanakan inisiatif *Blue Ribbon*. Inisiatif *Blue Ribbon* adalah dibawah kelolaan MySihat.



Rajah 1: Carta Alir Saringan Merokok Di Kalangan Pekerja

4.3 HIDUP YANG AKTIF

Pekerja cemerlang perlu mempunyai tubuh badan yang sihat. Amalan hidup yang aktif sepanjang masa dapat menjadikan pekerja lebih fokus terhadap kerjanya. Hadkan aktiviti sedentari di tempat kerja seperti duduk terlalu lama, menghabiskan masa yang lama di depan komputer dan lain-lain. Cari peluang untuk bergerak aktif setiap masa.

4.3.1 Objektif

- i. Mewujudkan suasana organisasi yang menyokong gaya hidup aktif.
- ii. Menggalakkan pekerja mengamalkan gaya hidup aktif.

4.3.2 Cadangan Aktiviti

a) Trek Laluan Berjalan Kaki

Berjalan adalah aktiviti fizikal yang mudah, murah dan berimpak rendah. Ia sesuai dilakukan oleh semua golongan pada bila-bila masa. Amalan 10,000 langkah setiap hari mampu memberi faedah kesihatan optimum seperti mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit, menguatkan otot, meningkatkan kadar metabolisme badan dan lain-lain. Aktiviti ini boleh dilaksanakan secara individu, keluarga, dan teman sekerja.

b) Jom Guna Tangga

Penggunaan tangga adalah salah satu cara untuk kita menjadi aktif. Kebanyakan tempat kerja sudah tentu mempunyai tangga. Jadikanlah tangga sebagai salah satu alat untuk kita bergerak aktif di tempat kerja. Amalan menggunakan tangga memberi banyak faedah kepada kesihatan seperti meningkatkan keupayaan kardiovaskular, menguatkan dan memantapkan otot terutamanya bahagian bawah tubuh. Malah menggunakan tangga dapat menjimatkan kos elektrik di tempat kerja.

c) X-Break

Sebagai pekerja, menghabiskan masa terlalu lama di depan komputer atau bermesyuarat sepanjang hari boleh memberikan kesan buruk kepada tubuh badan. Oleh itu, kita perlu melakukan aktiviti fizikal seperti *X-Break* agar tubuh badan menjadi lebih segar. *X-Break* adalah aktiviti regangan ringkas di tempat duduk dan dilakukan di antara waktu bekerja. Peruntukan masa sekurang-kurangnya 5 minit untuk satu sesi *X-Break*.

d) Aktiviti Fizikal Berjadual

Bagi merencanakan gaya hidup aktif di tempat kerja, pihak organisasi boleh menganjurkan aktiviti fizikal berjadual di hari bekerja mengikut masa yang sesuai sekurang-kurangnya sekali seminggu. Pelbagai aktiviti boleh dilaksanakan seperti senamrobik, berjalan 10,000 langkah, berbasikal, berlari, dan sebagainya.

i. Pertandingan Sukan

Pada masa-masa tertentu, organisasi boleh menganjurkan pertandingan sukan atau perlawanan persahabatan yang bertujuan untuk mengaktifkan diri, mewujudkan *networking* dengan organisasi yang lain di samping mengeratkan silaturahim sesama pekerja.

ii. Mewujudkan Ruang / Sudut Kecergasan di Tempat Kerja

Ruang dan sudut di tempat kerja ini merupakan satu persekitaran yang menyokong ke arah mengamalkan gaya hidup aktif dalam kalangan pekerja di tempat kerja. Ruang atau sudut ini boleh menjadi satu tempat rujukan pekerja untuk mendapatkan maklumat dan juga melakukan aktiviti-aktiviti fizikal yang sesuai pada waktu tertentu. Antara aktiviti yang boleh dilakukan adalah *board games*, ping pong, *dart*, karom, congkak dan lain-lain.

4.4 PENGURUSAN BERAT BADAN (PBB)

4.4.1 Pengenalan

Berat badan mempunyai pengaruh yang besar ke atas kesihatan sepanjang hayat. Mengekalkan berat badan yang normal boleh mengurangkan risiko pelbagai komplikasi kesihatan seperti, darah tinggi, sakit jantung, penyakit pundi hempedu dan osteoarthritis. Obesiti juga meningkatkan risiko bagi sesetengah jenis kanser seperti kanser kolon, rektum, prostat, pundi hempedu, serviks, endometrium dan ovari. Selain itu, seseorang yang obes akan lebih terdedah kepada masalah pergerakan, ketahanan fizikal dan fungsi fizikal yang lain serta berkemungkinan mempunyai kurang tahap keyakinan diri.

Sila rujuk Rajah 2: **Carta Alir Pemilihan peserta ke dalam PBB Program KOSPEN Plus.**

4.4.2 Objektif

- i. Melahirkan golongan pekerja yang lebih sihat dan bebas dari masalah berlebihan berat badan dan obesiti seterusnya risiko-risiko penyakit tidak berjangkit di kalangan warga kerja.
- ii. Penerapan aktiviti Program Pengurusan Berat Badan ke dalam aktiviti sedia ada di tempat kerja
- iii. Memastikan Program Pengurusan Berat Badan Program KOSPENPlus mencapai sasaran yang ditetapkan.

4.4.3 Ringkasan Pelaksanaan

4.4.3.1 Komponen utama dan jangkamasa pelaksanaan PBB

Aktiviti Pengurusan Berat Badan dijalankan secara berterusan selama 6 bulan. Terdapat tiga (3) komponen utama yang terdiri dari:

i. Intervensi Pemakanan Sihat


Intervensi mengambil masa selama enam bulan. Terdapat 11 Amalan Pemakanan Sihat bagi pengurangan berat badan yang perlu diterapkan kepada peserta.

ii. Intervensi Hidup Yang Aktif

Objektif intervensi hidup yang aktif ialah mengurangkan berat badan melalui pendekatan peningkatan aktiviti fizikal dan senaman berjadual.

iii. Motivasi Pengekalan Diri

Objektif Motivasi Pengekalan Diri ialah untuk meningkatkan keupayaan mengawal dan bertanggungjawab kepada diri sendiri dalam mengekalkan motivasi bagi melaksanakan program pengurusan berat badan.



Rajah 2: Carta alir pemilihan peserta ke dalam PBB Program KOSPEN Plus

4.5 SARINGAN KESIHATAN

4.5.1 Pengenalan

Ujian saringan kesihatan dijalankan bertujuan mengenalpasti mereka yang mempunyai faktor risiko NCD. Dengan menjalankan saringan ini, majikan dapat mengetahui status kesihatan pekerja mereka dan dengan itu dapat dibuat aktiviti intervensi bagi tindakan pencegahan.

Ujian saringan kesihatan hendaklah dilaksanakan oleh pasukan rujuk yang telah di latih dan diberi sijil oleh Jabatan Kesihatan Negeri. Pasukan rujuk ini perlu menghadiri latihan yang dikendalikan oleh pasukan iNCD Negeri atau Daerah sebelum dilantik.

Semua peralatan yang diperlukan untuk saringan kesihatan perlu disediakan oleh majikan seperti yang tercatat di dalam terma rujukan majikan.

Semua pekerja yang disaring digalakkan mempunyai diari kesihatan.

4.5.2 Objektif

- i. Mengenalpasti status kesihatan pekerja.
- ii. Melaksanakan aktiviti intervensi bagi mereka yang berisiko.
- iii. Menilai keberkesanan Program KOSPENPlus.
- iv. Menggalakkan pekerja melakukan pemeriksaan kesihatan.


Bagi mereka yang didapati mempunyai bacaan saringan yang berpotensi penyakit (Sila rujuk Jadual 1 untuk Indikasi Rujukan ke Klinik Panel/Klinik Kesihatan) perlu dirujuk ke klinik panel bagi agensi swasta manakala bagi agensi kerajaan mereka boleh dirujuk ke klinik kesihatan untuk pengurusan kes (*case management*) seterusnya. (Sila rujuk **Rajah 3: Carta Alir Saringan Faktor Risiko NCD dan Intervensi Faktor Risiko NCD**)

Semua warga kerja disasarkan untuk melakukan saringan faktor risiko penyakit NCD sekali setahun. Di bawah adalah jadual pemeriksaan berkala oleh peserta yang setuju intervensi faktor risiko penyakit NCD yang disediakan di tempat kerja masing-masing. (Sila rujuk **Jadual 2.0**).

Jadual 1.0: Indikasi Rujukan ke Klinik Panel/ Klinik Kesihatan mengikut bacaan saringan

Saringan	Bacaan	Tindakan
BMI	25.0 - 29.9kg/m ²	Intervensi melalui aktiviti Program KOSPENPlus.
	30 – 34.9 kg/m ²	Mengikuti intervensi pengurusan berat badan. Ulangi berat badan selepas 6 bulan dan rujukan ke Klinik Panel/Klinik Kesihatan* jika tiada penurunan berat badan.
	≥ 35 kg/m ²	Rujuk Klinik Panel/Klinik Kesihatan*.
Paras Glukosa Darah	< 5.6 mmol/L	Teruskan amalan gaya hidup sihat dan mengikuti aktiviti Program KOSPEN Plus.
	≥ 5.6 mmol/L	Rujuk ke Klinik Panel/ Klinik Kesihatan* untuk ujian pengesahan dan lakukan intervensi atas nasihat doktor.
Tekanan Darah	<120/80 mmHg	Teruskan amalan gaya hidup sihat dan mengikuti aktiviti Program KOSPENPlus.
	120-139/80-89 mmHg	Intervensi melalui aktiviti Program KOSPENPlus.
	≥140/90 mmHg	Rujuk ke Klinik Panel/ Klinik Kesihatan* dan lakukan aktiviti intervensi atas nasihat doktor.
